

FRASA (8 markah)

Arahan: Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) amat terperanjat
- (2) tentu sekali bangga
- (3) jadual waktu harian sendiri
- (4) mengulang kaji pelajaran tidak henti-henti
- (5) yang selalu mengambil berat tentang diri saya
- (6) belajar dan melakukan aktiviti-aktiviti yang lain

Wartawan : Terlebih dahulu, saya ingin ucapkan tahniah kepada Hamid kerana telah berjaya menjadi antara pelajar terbaik PSLE tahun ini. Syabas! Siapa agaknya yang menjadi pendorong bagi kejayaan Hamid?

Hamid : Terima kasih. Sudah tentu ibu bapa saya. Merekalah **(26)** __ (____) __.

Wartawan : Boleh Hamid berkongsi sedikit bagaimana Hamid membahagikan masa untuk **(27)** __ (____) __?

Hamid : Saya juga seperti pelajar-pelajar yang lain. Sentiasa sibuk. Namun, yang penting, saya akan aturkan masa sebaik mungkin untuk semua aktiviti. Oleh sebab itu, saya ada **(28)** __ (____) __.

Wartawan : Apa perasaan Hamid setelah diumumkan menjadi antara pelajar terbaik PSLE?

Hamid : Sejujurnya, saya tidak menyangka akan mendapat keputusan sebegini. Malah, saya **(29)** __ (____) __. Ibu dan ayah saya selalu berpesan, jika kita rajin berusaha pasti kita akan berjaya.


Wartawan : Mudah-mudahan kejayaan Hamid menjadi contoh kepada semua.

KEFAHAMAN 2 : RANGSANGAN GRAFIK (10 markah)

Arahan: Teliti brosur yang berikut. Kemudian, jawab soalan yang mengikutinya.



Cuti-cuti Damai!



Ikutilah percutian sekitar Asia Tenggara bersama Syarikat Damai



Percutian yang menyeronokkan dengan potongan harga yang menarik! Anda pasti tidak akan kecewa dengan percutian anda atau wang anda akan dikembalikan.



★ Pakej percutian istimewa pada bulan Jun (menaiki pesawat Silky Air) ★

Potongan harga sebanyak 20% akan diberikan kepada semua pelanggan!

- Lombok (4 hari, \$650)
- Vietnam (5 hari, \$750)
- Thailand (4 hari, \$700)
- Kedah atau Terengganu (3 hari, \$350)



Kapal Pelesenan Arjuna



Hanya \$880

Diskaun sehingga 30% jika berangkat dari 24 Mei hingga 29 Mei 2017. Anda boleh memilih mana-mana destinasi di Malaysia! Penang, Langkawi, Tioman dan Redang

Raikan Hari Ibu di Kuala Lumpur



Percutian 2 hari ke Kuala Lumpur dengan menaiki koc berhawa dingin
- Hanya \$180 -

Semua yang bergelar ibu akan menerima sejambak bunga mawar dan diberikan potongan harga \$50.

Ayuh, ke Batam!

Berangkat setiap hari ke Batam dengan harga hebat!

- 1 hari membeli-belah  \$55
- 2 hari membeli-belah dan berkunjung ke tempat-tempat menarik  \$85
- 3 hari membeli-belah, berkunjung ke tempat-tempat menarik dan restoran makanan laut \$135

* Kesemua harga pakej percutian kami termasuk sarapan pagi.

Syarikat Damai: 2 Jalan Aman, Singapura 543678.
Anda boleh menghubungi pegawai bertugas melalui talian 65789012 atau melungsur lalaman www.sydamai.com.sg untuk sebarang pertanyaan tentang percutian pilihan anda.

Arahan : Berdasarkan brosur di halaman 2, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 30 hingga Soalan 32. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. Bagi Soalan 33, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di halaman 4.

30 Brosur ini diedarkan untuk menarik orang ramai supaya _____.

- (1) menaiki pesawat Silky Air
- (2) memilih mana-mana destinasi ke Malaysia
- (3) mengikuti percutian dengan Syarikat Damai
- (4) mendapatkan potongan harga yang ditawarkan

31 Syarikat Damai menjanjikan percutian yang menyeronokkan untuk kesemua pelanggannya. Buktinya ialah _____.

- (1) mereka dapat menaiki Kapal Pelesenan Arjuna
- (2) wang akan dikembalikan jika mereka berasa kecewa
- (3) pegawai yang bertugas dapat dihubungi melalui talian yang diberikan
- (4) laluan diberikan untuk sebarang pertanyaan tentang percutian pilihan mereka

32 Harga pakej bagi percutian ke Kuala Lumpur tidak sama bagi semua pelanggan. Hal ini disebabkan _____.

- (1) para pelancong akan dibawa pergi membeli-belah
- (2) para pelancong akan menaiki koc yang berhawa dingin
- (3) para ibu yang mengikuti percutian itu akan mendapat potongan harga
- (4) para wanita yang bergelar ibu akan mendapat sejangkak bunga mawar

SOALAN	JAWAPAN
30	
31	
32	

- 33 Kamu mahu mengajak ibu kamu untuk menyertai salah satu pakej pelancongan yang ditawarkan Syarikat Damai bersama kamu. Untuk meyakinkan rakan kamu itu, kamu harus menerangkan kepadanya dua faedah yang dapat diraih jika mengikuti pelancongan dengan syarikat itu.

Gunakan informasi dalam brosur pelancongan itu untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini.

(4 markah)

Ibu, di samping menawarkan pelbagai pakej percutian ke negara-negara di Asia Tenggara , syarikat ini turut

KEFAHAMAN 2 (22 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Nek Asmah masih lagi larat meneruskan kehidupannya sendirian. Setelah suaminya meninggal dunia, Nek Asmah berkeras untuk terus tinggal di flat yang didiaminya bersama suaminya dahulu. Flat tersebut memang dibina untuk warga emas yang seangkatan dengannya.

“Nenek tidak takut?” terngiang-ngiang di telinga persoalan cucu bongsunya itu.

“Kalau Nenek dalam kesusahan nanti, Nenek boleh picit loceng kecemasan ini,” jawab Nek Asmah sambil menunjukkan loceng.

Di sekitar blok Nek Asmah terdapat pasar mini dan pusat makanan. Jika Nek Asmah tidak larat untuk turun ke kedai, dia hanya perlu membuat pesanan melalui telefon. Nek Asmah bukan buta huruf, jadi mudah untuk dia membuat sebarang panggilan. Itu juga sebab utama Nek Asmah yakin bahawa dia mampu tinggal sendiri.

Semasa kakinya masih kuat dahulu, Nek Asmah kerap ke masjid untuk belajar agama. Semasa suaminya masih ada, dia pergi bersama suaminya. Selain itu, mereka juga selalu melakukan senaman bersama-sama. Tidak hairanlah, pemergian suaminya setahun yang lalu merupakan detik yang mengharukan bagi nenek tua ini. Sekarang, Nek Asmah tidak kuat berjalan jauh. Dia hanya mendengar siaran agama di radio atau menonton televisyen. Pada hari-hari biasa, Nek Asmah selalunya bersendirian di rumah. Pada setiap hujung minggu, rumah Nek Asmah menjadi meriah. Anak cucu Nek Asmah akan melawatnya. Nek Asmah sentiasa bersyukur kerana menurutnya, dia sebenarnya beruntung berbanding dengan jiran tetangganya yang sering sendirian.

Nek Asmah dan arwah suaminya berjaya mendidik kedua-dua anak mereka dengan baik. Anak-anaknya tidak pernah mengabaikan tanggungjawab mereka. Sebenarnya, Nek Asmah tidak pernah mengharapkan balasan daripada mereka. Bagi Nek Asmah, asalkan anak-anaknya menyayangi dan menghormati ibu bapa serta bertanggungjawab terhadap orang tua dan anak-anak mereka sudah memadai. Kedua anak-anaknya telah berulang-kali meminta Nek Asmah supaya tinggal bersama mereka. Namun, permintaan mereka sia-sia sahaja.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

34 Nyatakah perasaan Nek Asmah tinggal di flatnya seorang diri. (2 markah)

35 Berikan dua sebab Nek Asmah berasa dia mampu untuk tinggal sendiri di flatnya. (4 markah)

36 Menurut Nek Asmah, apakah yang menyebabkan dia berasa beruntung jika dibandingkan dengan jiran-jirannya? (2 markah)

37 Berikan bukti-bukti yang menunjukkan keadaan diri Nek Asmah sewaktu suaminya masih hidup dan kehidupannya sekarang berbeza. (4 markah)

38 Anak-anak Nek Asmah mengambil berat akan dirinya. Berikan **dua** bukti yang menyokong pernyataan ini. (4 markah)

39 Nyatakan dua sifat Nek Asmah yang patut dicontohi dengan memberi bukti berdasarkan teks. (4 markah)

40 Terdapat perkataan dalam petikan yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan. (2 markah)

(a) mampu melakukan sesuatu

(b) tidak mengendahkan

S E L E S A I